

17/02/1998

Umno: Tindakan terhadap pengacau (HL)

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Isnin - Tindakan akan dikenakan terhadap mana-mana pemimpin Umno yang cuba mengganggu perjalanan mesyuarat parti peringkat cawangan dan bahagian, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Timbalan Presiden Umno berkata, jika ada masalah yang dikaitkan dengan tindakan cawangan dan bahagian menafikan hak ahli menghadiri mesyuarat, mesyuarat itu akan dibatalkan dan tindakan diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab melarang ahli terbabit.

"Semua ahli yang membayar yuran berhak menghadiri mesyuarat cawangan," katanya mengulas kekecohan dua mesyuarat cawangan Umno bahagian Kota Melaka, semalam.

Beliau yang mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Disiplin Umno hari ini, berkata tindakan tegas dan sekeras-kerasnya akan dikenakan kepada pemimpin semua peringkat yang melanggar peruntukan perlembagaan parti, arahan Majlis Tertinggi (MT) dan ibu pejabat.

Mesyuarat Umno cawangan Permatang Pasir ditangguhkan kira-kira jam 4.34 petang manakala mesyuarat cawangan Permatang Pasir Tengah ditangguhkan pada jam 3.45 petang apabila sekumpulan lelaki merempuh masuk bilik persidangan.

Pengerusi Tetap Umno Permatang Pasir, Ahmad Othman, menangguhkan mesyuarat yang diadakan di bilik bacaan Permatang Pasir selepas berlaku kekecohan, termasuk seorang ahli yang dikenali sebagai Muhammad Yusof, cedera di kepala.

Mesyuarat agung cawangan yang bermula 12 Februari lalu akan berakhir 15 Mac ini, manakala persidangan pemilihan perwakilan bahagian berlangsung antara 12 Mac hingga 29 Mac ini.

Jawatankuasa Disiplin Umno memutuskan mesyuarat cawangan Permatang Pasir Tengah dan Permatang Pasir diadakan semula dengan dikendalikan oleh wakil MT bersama wakil Badan Perhubungan Umno Melaka dan wakil bahagian Kota Melaka.

Bercakap selepas mempengerusikan mesyuarat kira-kira dua jam itu, Anwar turut memberi amaran kepada badan perhubungan negeri supaya tidak memihak atau berkempen bagi calon yang akan bertanding merebut jawatan dalam pemilihan bahagian.

Menurutnya, amaran itu dikeluarkan untuk mengelak pertandingan tidak sihat yang seterusnya boleh memecahbelahkan perpaduan parti.

Beliau meminta semua pihak yang bertanding supaya menyahut saranan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya bermuafakat dan berbincang secara aman bagi mengelak pertandingan.

"Kita memandang berat beberapa perkembangan dan penyelewengan dalam parti yang dilaporkan akhir-akhir ini," katanya.

Turut hadir ialah Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik; Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Ahmad Zahid Hamidi; dan Ketua Pergerakan Wanita, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Anwar menjelaskan, nasihat yang dikeluarkan MT Umno minggu lalu bertujuan mengelak salah tafsiran di kalangan ahli berhubung proses pertandingan jawatan parti.

"Kita tidak mahu ada salah tafsiran sama ada sebagai ugutan atau larangan keras atau wujud kempen secara berpasukan termasuk oleh badan perhubungan negeri, untuk menyokong atau melarang mana-mana calon.

"Apa yang dibenarkan ialah bermuafakat dengan cara teratur menerusi rundingan dengan calon, bukan menggunakan keputusan MT untuk berkempen

secara besar-besaran," katanya sambil berharap kenyataan itu menjelaskan sebarang kekeliruan.

Ditanya apakah ada badan perhubungan Umno negeri yang 'memihak' kepada calon tertentu, Anwar menegaskan ia hanya bertujuan memastikan saranan presiden dihormati semua pihak.

Beliau turut membidas calon tertentu yang menggunakan nama presiden, timbalan presiden dan pemimpin Umno lain untuk berkempen bagi jawatan parti tertentu serta menyifatkan golongan itu tidak mempunyai modal berpolitik.

"Nama pemimpin tidak boleh dikaitkan dengan mana-mana calon yang bertanding jawatan. Kita anggap ini satu kesalahan. Itulah sebabnya MT Umno sebelum ini bersetuju supaya presiden dan timbalan presiden tidak merasmikan persidangan Umno bahagian yang ada pertandingan. Ini untuk mengelak salah tafsiran," katanya.

Bagi memastikan kelicinan perjalanan mesyuarat dan pertandingan di peringkat bahagian, Anwar turut mengumumkan nama 16 pemimpin MT Umno yang akan membantu mengendalikan bahagian tertentu.

Mereka ialah Datuk Shahrizat Abdul Jalil (Tanjong), Datuk Seri Syed Hamid Albar (Tapah), Datuk Dr Ibrahim Saad (Ipoh Timur), Datuk Seri Mohamed Rahmat (Batu), Datuk Ibrahim Ali (Kapar), Datuk Salleh Tun Said Keruak (Jempol) dan Datuk Mohd Tajol Rosli (Kota Melaka).

Pemimpin lain ialah Datuk Nazri Aziz (Rantau Panjang), Datuk Shafie Apdal (Kubang Kerian), Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh (Peringat), Datuk Suleiman Mohamed (Pengkalan Chepa), Datuk Dr Affifuddin Omar (Sipitang), Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob (Silam), Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir (Beaufort), Datuk Hasan Arifin (Gaya) dan Datuk Raja Ariffin Raja Sulaiman (Kinabatangan).

(END)